

TIDAK ADA MAAF JIKA CURANG

UM 19 MAY 1982

KUALA LUMPUR, 18 Mei — **K**Ahli-ahli Exco kerajaan negeri yang dipanggil menemui Perdana Menteri telah diberitahu bahawa pucuk pimpinan tidak akan memaafkan sesiapa di kalangan mereka yang menyeleweng atau terlibat dengan rasuah.

Dalam siri pertemuannya dengan semua ahli Exco yang bermula semalam, Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah menekankan perkara-perkara yang perlu diberi keutamaan oleh ahli-ahli Exco.

Menurut seorang ahli Exco dari Perak, Datuk Haji Abdul Malik yang ditemui hari ini, Perdana Menteri juga mengingatkan mereka supaya jangan menjalankan perniagaan semasa memegang jawatan Exco.

"Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, beliau tidak akan memaafkan sesiapa sahaja di kalangan Exco yang terlibat dengan rasuah.

"Beliau juga mengingatkan kami supaya meletakkan jawatan jika ingin berniaga," kata Datuk Haji Malik.

Perdana Menteri memulakan siri pertemuannya dengan ahli-ahli Exco semalam. Pertemuan pertama ialah dengan ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Perak.

Hari ini beliau menemui ahli-ahli Exco Negeri Sembilan.

Datuk Haji Malik menambah, Perdana Menteri mahukan ahli-ahli Exco memberi keutamaan khas

terhadap setiap permohonan dari rakyat dan jangan membiarkan mereka menunggu terlalu lama untuk mengetahui keputusan permohonan mereka.

"Perdana Menteri tidak mahu rakyat bertanya apakah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mereka.

"Beliau mahukan ahli-ahli Exco mendokong, konsep bersih, cekap dan amanah serta berkeperibadian tinggi," kata Datuk Haji Malik.

Menurutnya, Datuk Sri Dr. Mahathir bercakap dengan ikhlas tetapi serius dan berharap pesanan beliau itu akan dipatuhi oleh semua ahli Exco.

"Beliau telah memberi garis panduan lengkap mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh ahli-ahli Exco sejajar dengan konsep bersih, cekap dan amanah," kata Datuk Haji Abdul Malik.

Mengenai penyelarasan antara Kerajaan Pusat dengan negeri, beliau memberitahu, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan negeri hendaklah mengikut dasar Kerajaan Pusat.

Bagaimanapun, katanya, ini tidaklah termasuk dalam hal-hal yang meliputi bidang kuasa kerajaan negeri, seperti kelulusan pemberian tanah dan sebagainya.

Datuk Haji Abdul Malik juga memberitahu, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa di masa-masa akan datang setiap menteri yang melawat sesebuah negeri dikehendaki berjumpa dengan semua ahli Exco, bukan hanya Exco yang bertanggungjawab terhadap sesuatu portfolio yang bersangkutan dengan portfolio menteri berkenaan.

Langkah ini, menurutnya, adalah untuk membolehkan setiap ahli Exco mengetahui rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan dan mewujudkan penyelarasan tugas yang lebih berkesan.